MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 41
No. 18

**4hb September 1997**

*TAMBAHAN No. 60*
*PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 348.**

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH (PEMERBADANAN) UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA (PINDAAN) 1997

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 22 Akta Tafsiran 1948 dan 1967, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut: *Akta 388.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah (Pemerbadanan) Universiti Pertanian Malaysia (Pindaan) 1997** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 3 April 1997. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Perintah ini, "tarikh yang ditetapkan" ertinya tarikh Perintah ini mula berkuatkuasa. Tafsiran.

3. Universiti Pertanian Malaysia yang ditubuhkan di bawah Perintah (Perbadanan) Universiti Pertanian Malaysia 1971, hendaklah, daripada tarikh yang ditetapkan, dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia. Pertukaran nama Universiti. *P.U. (A) 387/71.*

4. Segala sebutan mengenai Universiti Pertanian Malaysia dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, suratan, bon, perjanjian dan perkiraan pengusahaan yang wujud sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Universiti Putra Malaysia. Segala sebutan mengenai Universiti Pertanian Malaysia hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Universiti Putra Malaysia.

Hak, dsb. tidak tersentuh dan prosiding undang-undang tidak menjadi cacat.

5. Pertukaran nama daripada Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia tidaklah menyentuh apa-apa hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Universiti Pertanian Malaysia atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya.

Prosiding undang-undang hendaklah diteruskan atas nama Universiti Putra Malaysia.

6. Prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Universiti Pertanian Malaysia sebelum tarikh yang ditetapkan, boleh diteruskan atau dimulakan atas nama Universiti Putra Malaysia.

Tanggungan boleh dikuatkuasakan tehadap Universiti Putra Malaysia.

7. Segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh atau bagi pihak atau bagi maksud Universiti Pertanian Malaysia boleh, pada tarikh yang ditetapkan, dikuatkuasakan terhadap Universiti Putra Malaysia.

Peletakhakan tanah, harta dan aset pada Universiti Putra Malaysia.

8. Segala tanah, harta dan aset yang sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan terletakhak pada atau dirizabkan bagi Universiti Pertanian Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, terletakhak pada atau dirizabkan bagi Universiti Putra Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan, atau pemindahmilikan.

Dibuat 26 Julai 1997.
[KP. S (PT) 10030/3/Jld. IV; PN. (PU²) 75E Pt. II.]

Dengan Titah Perintah,

DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK,
*Menteri Pendidikan*

## UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

### UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA (INCORPORATION) (AMEDMENT) ORDER 1997

*Act 388.*

IN exercise of the powers conferred by section 22 of the Interpretation Acts 1948 and 1967, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement.

1. This order may be cited as the **Universiti Pertanian Malaysia (Incorporation) (Amendment) Order 1997** and shall be deemed to have come into force on 3 April 1997.

Interpretation.

2. In this Order, "appointed date" means the date of the coming into force of this Order.

Change of name of University.

3. The Universiti Pertanian Malaysia established under the Universiti Pertanian Malaysia (Incorporation) Order 1971, shall, as from the appointed date, be known as the Universiti Putra Malaysia.

4. All references to the Universiti Pertanian Malaysia in any written law or in any instrument, deed, title, document, bond, agreement and working arrangement subsisting immediately before the appointed date shall, on the appointed date, be construed as references to the Universiti Putra Malaysia.

All references to Universiti Pertanian Malaysia to be construed as references to Universiti Putra Malaysia.

5. The change of name from Universiti Pertanian Malaysia to Universiti Putra Malaysia shall not affect any rights, privileges, liabilities, duties or obligations of the Universiti Pertanian Malaysia or render defective any legal proceedings by or against it.

Right, *etc.* not affected and legal proceedings not rendered defective.

6. Legal proceedings that could have been continued or commenced by or against the Universiti Pertanian Malaysia prior to the appointed date, may be continued or commenced in the name of the Universiti Putra Malaysia.

Legal proceedings to be continued in the name of Universiti Putra Malaysia.

7. All existing liabilities incurred by or on behalf of or for the purposes of the Universiti Pertanian Malaysia may, on the appointed date, be enforced against the Universiti Putra Malaysia.

Liabilities enforceable against Universiti Putra Malaysia.

8. All lands, property and assets that immediately before the appointed date were vested in or reserved for the Universiti Pertanian Malaysia or any person acting on its behalf shall, on the appointed date, vest in or be reserved for the Universiti Putra Malaysia or any person acting on its behalf without any conveyance, assignment, or transfer whatsoever.

Vesting of lands, property and assets in Universiti Putra Malaysia.

Made 26 July 1997.
[KP. S (PT) 10030/3/Jld. IV; PN. (PU$^2$) 75E Pt. II.]

By Command,

DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK,
*Minister of Education*